

Peguam dakwa hakim gagal buat pertimbangan

BH - 4 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat - Seorang peguam hari ini mendakwa bahawa hakim perbicaraan dalam kes rasuah Datuk Seri Anwar Ibrahim gagal membuat pertimbangan secukupnya mengenai dua saksi utama pendakwa yang mempunyai kepentingan diri dalam kes berkenaan.

Peguam bela Anwar, Gurbachan Singh berhujah kepada Mahkamah Rayuan bahawa bekas Pengarah Cawangan Khas, Datuk Mohd Said Awang dan timbalan pengarahnya, Datuk Amir Junus bukan saksi yang boleh dipercayai.

"Saksi itu ti-

dak membuat sebarang aduan, termasuk aduan kepada Ketua Polis Negara mengenai arahan yang mereka dakwa dibuat oleh perayu (Anwar).

"Mereka mengaku sendiri memperolehi surat penafian daripada Azizlan Abu Bakar dan Ummi Hafilda menggunakan pengaruh yang tidak wajar, paksaan dan tipu daya," katanya.

Beliau yang menyambung hujah pada hari kelima rayuan, berkata hakim perbicaraan juga gagal menilai secara betul keterangan Mohd Said yang bersikap mengelak dan tidak tetap apabila disoal balas oleh peguam bela Anwar.

Katanya, Mohd Said mengubah keterangannya mengenai laporan Cawangan Khas yang dihantar kepada Perdana Menteri dan laporan kedua yang beliau (Mohd Said) katakan mungkin di-

hantar kepada Perdana Menteri.

Gurbachan berhujah bahawa pembela masih tetap dengan pendiriannya bahawa Mohd Said ada menghantar laporan kedua kepada Perdana Menteri berdasarkan kepada salinan surat itu yang diserahkan kepada perayu oleh saksi berkenaan.

Selain itu, Gurbachan berhujah hakim berkenaan tersilap dalam undang-undang dan fakta apabila memutuskan pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwa.

Katanya, pembela berjaya menimbulkan keraguan berdasarkan kepada keterangan Ummi Hafilda; Mohd Azmin Ali dan beberapa keterangan saksi pendakwa lain.

Gurbachan mengemukakan hujah itu di depan Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Lamin Yunus yang

bersidang bersama Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim dan Datuk Mokhtar Sidin.

Anwar yang hadir di mahkamah diwakili oleh peguam bela Raja Aziz Addruse, Christopher Fernando, Gurbachan, Pawancheek Marican, S N Nair dan Zulkifli Nordin.

Timbalan Kanan Pendakwaraya (TKPR), Datuk Abdul Gani Patail mengetuai pasukan pendakwa dan dibantu oleh TKPR Datuk Azahar Mohamed dan Yusoff Zainal Abiden serta Timbalan Pendakwaraya, Tun Majid Tun Hamzah, Nordin Hassan dan Shamsul Sulaiman.

Anwar, 52, merayu keputusan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk S Augustine Paul yang mendapatinya bersalah pada 14 April tahun lalu atas empat tuduhan ra-

suah mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970.

Paul menjatuhkan hukuman penjara enam tahun terhadap Anwar bagi setiap empat tuduhan rasuah itu dan memerintahkan hukuman berkenaan dijalankan serentak berkuatkuasa pada hari itu.

Selain merayu sabitan dan hukuman itu, Anwar juga mengemukakan rayuan terhadap keputusan Paul menolak bantahan awalnya bahawa tuduhan mengikut Seksyen 2 (1) Ordinan 22 tidak sah kerana undang-undang berkenaan sudah dimansuhkan oleh Parlimen.

Anwar juga mengemukakan rayuan terhadap keputusan Paul menolak permohonannya supaya Abdul Gani dan Azahar dihalang daripada meneruskan pendakwaan kes rasuah itu.

Perbicaraan bersambung Isnin ini.